



# PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT DAN PENGURUSAN KUALITI (PUSPEK)

Pada 19 Jun 2009, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi UniMAP telah meluluskan penggabungan Unit Kualiti (ditubuhkan dalam bulan Julai 2004) dengan Unit Pembangunan Korporat (UNIPEK) (ditubuhkan pada 1 Januari 2006), dan diberi nama baru iaitu Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti atau ringkasnya PUSPEK. Pada masa ini PUSPEK dikendali oleh seorang Pengarah, lima orang pegawai tadbir dan empat orang staf sokongan, dan beroperasi di Pejabat SOKK, Jalan Seriab mulai bulan Ogos 2009.

## Tujuan utama penubuhan PUSPEK ialah:

1. Mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan melaksana aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perancangan strategik, dan memantau dan melapor perkembangan pelaksanaan pelan strategik UniMAP kepada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi UniMAP.
2. Mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan mengendali aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Institutional Project Management Office (iPMO) dan

menjadi penghubung antara UniMAP dengan Project Management Office (PMO), Kementerian Pengajian Tinggi dalam urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

3. Mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan mengendali aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan korporat UniMAP.
4. Mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan mengendali aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan sistem kualiti (audit kualiti, Sistem 5S dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif) terutama dalam usaha memperoleh sijil MS ISO dalam skop-skop yang ditetapkan oleh UniMAP.
5. Menyelaraskan dan mengendali aktiviti yang berkaitan dengan penubuhan syarikat induk UniMAP.
6. Menawarkan kursus dan latihan yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategik dan prestasi organisasi, dan sistem pengurusan kualiti organisasi (audit kualiti, Sistem 5S dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif) kepada orang perseorangan dan/atau organisasi

luar dalam usaha meningkatkan aktiviti penjana pendapatan UniMAP.

7. Melaksana tugas-tugas khas yang dipertanggungjawabkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

## FUNGSI BAHAGIAN DI PUSPEK

PUSPEK dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Korporat, Bahagian Pengurusan Kualiti dan Bahagian Pentadbiran Am. Fungsi setiap Bahagian ialah yang berikut:

### Bahagian Pembangunan Korporat

Bahagian Pembangunan Korporat berfungsi mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan mengendali aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategi dan prestasi, pentadbiran iPMO, penyelidikan kesihatan korporat, pengumpulan data dan maklumat universiti, dan penubuhan syarikat induk universiti. Untuk melaksana fungsi-fungsi yang ditetapkan, Bahagian ini dibahagikan pula kepada tiga unit iaitu Unit Perancangan Strategik, Unit iPMO dan Unit Penyelidikan dan Pembangunan Korporat.

### Bahagian Pengurusan Kualiti

Bahagian Sistem Pengurusan Kualiti berfungsi mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan mengendali aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti, khususnya dalam proses pemerolehan MS ISO dalam pelbagai skop; audit kualiti, dan latihan-latihan yang berkaitan dengan pembangunan dan penambahbaikan kualiti proses kerja seperti Sistem 5S dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif. Untuk melancarkan pentadbiran bahagian ini, tiga buah unit ditubuhkan iaitu Unit Pengurusan dan Dokumentasi Kualiti, Unit Audit Kualiti dan Unit Latihan dan Pembudayaan Kualiti.



# KAMI KOMITED DENGAN ILMU, KEIKHLASAN DAN KECEMERLANGAN

## Bahagian Pentadbiran Am

Bahagian Pentadbiran Am berfungsi mengurus, mentadbir, menyelaraskan dan mengendali aktiviti yang berkaitan dengan pentadbiran am pejabat, khususnya dalam pengurusan dan pentadbiran infostruktur, sumber manusia, modal insan, pembelian, kewangan, infrastruktur, dan urusan-urusan am yang berkaitan dengan unit, pusat dan/atau pusat pengajian dalaman dan/atau jabatan atau agensi luar. Bahagian ini dipecahkan kepada dua unit iaitu Unit Teknologi Maklumat dan Unit Pentadbiran Am.



## FAKTOR KEJAYAAN UTAMA

Dalam usaha melaksana semua fungsi yang dipertanggungjawabkan, PUSPEK mengendali dan melaksana pelbagai aktiviti dan inisiatif dalaman misalnya:

- o Bengkel Perancangan Strategik,
- o Khidmat Runding Cara Perancangan Strategik Pusat Pengajian/Jabatan/Unit,
- o Kursus dan Bengkel Skorkad Berimbang,
- o Kursus Penghayatan Peta Strategi,
- o Pemantauan Berkala Prestasi Strategik,
- o Kursus Kesedaran Kualiti,
- o Kursus Audit Dalaman Kualiti,

- o Kursus dan Pembudayaan 5S,
- o Penyelidikan Kesihatan Korporat,
- o Kursus Metodologi Penyelidikan dan Analisis Data untuk Pentadbir, dan
- o pelbagai aktiviti lain yang tertakluk pada fungsi yang dipertanggungjawabkan kepada Pusat ini.

Kejayaan PUSPEK melaksana semua aktiviti yang tidak bergantung semata-mata pada penguasaan ilmu yang berkaitan, bilangan aktiviti yang dianjurkan dan kesungguhan staf PUSPEK yang melaksana semua aktiviti dan inisiatif yang dirancangan. Diyakini bahawa faktor kejayaan utama Pusat ini ialah (1) komitmen kepemimpinan UniMAP di semua peringkat, khususnya Pengurusan Tertinggi UniMAP, yang tidak berbelah-bahagi dalam usaha merumuskan dan melaksana strategi, dan sistem kualiti universiti; (2) komunikasi antara pemimpin dan PUSPEK dengan semua staf universiti dalam pelatanaan dan perkongsian semua maklumat yang berkaitan; dan (3) penghayatan dan kesungguhan semua staf di semua



peringkat dalam usaha melaksana pelbagai inisiatif strategik dan sistem kualiti yang dipersetujui bersama. Dalam usaha mendapatkan sokongan dan dokongan semua staf dalam apa jua aktiviti dan inisiatif yang dilaksananya, PUSPEK berfungsi di bawah slogan:

**KAMI KOMITED DENGAN  
ILMU,  
KEIKHLASAN  
KECEMERLANGAN.**